

**S**ENI WAYANG KULIT MERUPAKAN GABUNGAN KREATIVITI ANTARA PENGGIAT DAN TOK DALANG DENGAN PATUNG WAYANG KULIT YANG DITARIKAN MENGGUNAKAN LAYAR PUTIH DAN CAHAYA. WAYANG KULIT MERUPAKAN WARISAN SENI PERSEMBAHAN YANG SANGAT DIGEMARI MASYARAKAT, BUKAN SAHAJA DI KELANTAN, BAHKAN DI RANTAU NUSANTARA, DAN MERUPAKAN SATU DARIPADA TEATER YANG TERTUA DI ASIA TENGGARA.

Di Kelantan, wayang kulit dimainkan dengan menggunakan gabungan dialek bahasa Siam dan Melayu. Antara watak utama dalam persembahan wayang kulit termasuklah Ramayana-Hanuman, Sri Rama, Sita Dewi, Maharaja Rawana dan Laksamana daripada epik silam India Hikayat Rama.

Dialek Kelantan merupakan dialek yang kerap digunakan dalam persembahan teater tradisional ini, memandangkan tok dalang yang mementaskannya juga berasal dari Kelantan.

Pementasan wayang kulit tidak akan lengkap tanpa layar putih yang memperlihatkan bayang

hitam berupa imej, iaitu pantulan cahaya berdasarkan bentuk patung wayang kulit yang dimainkan. Justeru itu, visual atau imej berupa bayang kepada patung wayang kulit yang digunakan dalam persembahan wayang kulit sangat penting dengan disokong oleh luahan ekspresi daripada suara tok

# INOVASI PATUNG WAYANG KULIT BERASASKAN POKOK KENAF



dalang, bunyi serunai dan rentak gendang yang dipalu.

Penulisan ini tidak bermaksud untuk memfokuskan kepada pengurusan sesebuah persembahan wayang kulit Kelantan, tetapi bertujuan untuk mengetengahkan pengalaman berdasarkan pemerhatian ke atas proses kreatif yang berlaku dalam penghasilan prototaip patung wayang kulit Kelantan berasaskan pokok kenaf yang pertama di Malaysia. Hasil kajian pembuatan prototaip patung wayang kulit Kelantan berasaskan pokok kenaf, penulis ini dapat merumuskan bahawa terdapat lima unsur penting dalam menghasilkan inovasi ini. Lima unsur tersebut ialah kreatif, sentuhan kreativiti, luahan atau ekspresi seni dan estetika.

Walaupun penggiat wayang kulit sangat mahir dalam menghasilkan patung wayang kulit Kelantan, idea kreatif memainkan peranan utama, selain imaginasi, sekalipun bahan daripada kulit binatang tidak digunakan dan digantikan dengan sebatian kenaf yang telah diproses. Ciri-ciri idea kreatif dirumuskan sebagai kelihatan baru dan segar, mempunyai nilai, bebas, boleh dikembangkan serta datang dari pelbagai punca dan sumber. Ciri-ciri idea kreatif juga bersifat penerokaan, fleksibel dan dinamik.

Ciri-ciri idea kreatif ini turut dapat dilihat dalam pemprosesan bahan kenaf oleh penggiat dengan melakukan perancangan ke atas pilihan bahan yang dikehendaki, pengumpulan bahan kimia, kanji dan persediaan bingkai proses mengayak sebatian kenaf, sehinggalah kepada proses pengeringan. Idea kreatif dalam menyusun aliran aktiviti kreatif ini penting bagi memastikan

kualiti produk akhir yang bakal diwarnakan mencapai tahap yang dikehendaki oleh seseorang penggiat wayang kulit.

Di samping itu, proses kreatif yang dilalui menunjukkan luahan atau ekspresi seni para penggiat yang diterjemahkan kepada kualiti produk patung wayang kulit Kelantan yang berjaya dihasilkan. Sebagai seorang penggiat, luahan seni ini dipamerkan melalui pembuatan wayang kulit Kelantan. Proses kreativiti yang berlaku dijadikan sebagai pentas untuk mencurahkan perasaan dan rasa cinta terhadap seni teater ini.

Secara lumrahnya, manusia menyukai dan mudah tertarik kepada sesuatu yang memiliki keindahan, apatah lagi kecantikan itu memperlihatkan sesuatu yang baharu dan menampilkan perbezaan yang ketara. Penghasilan patung wayang kulit Kelantan berasaskan daun kenaf ini tidak dapat dipisahkan dengan nilai estetika. Proses mewarnai patung wayang kulit oleh penggiat merupakan bukti bahawa estetika menjadi unsur yang penting dalam menghasilkan patung wayang kulit Kelantan.

## PROSES PEMBUATAN

Secara umumnya, penggiat wayang kulit Kelantan tidak menghadapi kesukaran untuk menghasilkan patung wayang kulit berasaskan kenaf. Berbeza dengan penggunaan kulit binatang yang rumit untuk diproses, terutama pada peringkat pengeringan yang memakan masa yang panjang bagi mengelakkan berbau, penggunaan kenaf dilihat menjadi lebih mudah dan praktikal. Proses yang dijalankan seperti yang berikut;

### 1 Lakaran imej pada kertas biasa bersaiz A2

Pada peringkat awal ini, penggiat menggunakan kemahirannya untuk melukis dan melakar bentuk imej tiga watak penting dalam persembahan wayang kulit Kelantan, iaitu watak Hanuman, Hulubalang dan Wak Dogol.



Proses pemisahan sebatian kenaf.

### 2 Penghasilan bingkai dan kertas berasaskan debu kenaf

Proses penghasilan kertas ini melibatkan debu kenaf yang dicampurkan dengan air. Seterusnya, debu kenaf diadunkan dan dilarutkan bersama-sama dengan asid dan kanji. Hal ini bertujuan untuk menjadikan gabungan kenaf dan kanji sebatu bagi tujuan proses pengeringan kelak. Pada masa yang sama, penggiat perlu menghasilkan bingkai bersaiz dua kaki.



Kenaf yang digunakan bagi penghasilan patung wayang kulit Kelantan.

### 4 Memisahkan sebatian kenaf daripada bingkai

Sebatian kenaf yang telah kering akan diasingkan, dan seterusnya dipisahkan daripada bingkai serta penapis.



Penghasilan kertas berasaskan debu kenaf.

### 5 Menekap kertas kenaf dan menampal watak wayang kulit

Proses ini merupakan tahap biasa yang dilakukan untuk menampal watak wayang kulit ke permukaan kertas. Setelah dipastikan kedudukan watak wayang kulit berada pada kedudukan yang dikehendaki, proses menebuk lubang pada patung wayang kulit berasaskan kenaf akan dilakukan.

### 7 Memasang anggota patung wayang kulit

Seperti mana dalam proses warna, peringkat memasang anggota badan patung wayang kulit, seperti siku dan lutut, turut memerlukan ketelitian. Setelah semuanya siap dipasang, maka selesailah proses penghasilan patung wayang kulit tersebut.

### 6 Mewarnakan patung wayang kulit

Seperti kelaziman, proses warna setiap watak patung wayang kulit memerlukan ketelitian bagi memastikan kualiti serta nilai estetika terus kekal terjaga. Hal ini menjadi satu imej dan penanda aras kepuasan pelanggan yang menempah hasil kerja tangan ini. Walau bagaimanapun, dalam proses uji kaji ini timbul sedikit kesulitan, khususnya sapuan warna menjadi tidak sekata kerana warna yang


digunakan merebak di permukaan serat yang digunakan.

### 3 Mengayak sebatian kenaf

Pada tahap ini, sebatian kenaf dan kanji air dicampurkan dengan sejenis bahan kimia. Campuran ini dibiarkan sebatu untuk tempoh lebih kurang tiga jam, kemudiannya sebatian kenaf dan kanji diangkat daripada takungan

Penghasilan imej atau visual kreatif dalam seni kraf tidak dapat dipisahkan dengan proses kreatif, individu kreatif, persekitaran kreatif dan produk kreatif yang dihasilkan. Gabungan empat komponen ini perlu wujud dalam kajian terhadap penghasilan visual dan kraf.

Penggunaan pokok kenaf dalam penghasilan patung wayang



Proses mengayak sebatian kenaf.



Proses menangkap kertas kenaf pada patung wayang kulit.



kulit Kelantan merupakan satu usaha inovasi bagi menggantikan penggunaan kulit binatang yang menjadi kebiasaan penghasilan patung wayang kulit di Kelantan. Usaha inovasi ini dianggap sebagai satu anjakan baharu bagi pengusaha patung wayang kulit dalam menghasilkan patung wayang kulit berasaskan bahan yang lebih mudah untuk diperolehi, murah dan senang untuk diproses.

Penggunaan pokok kenaf ini dijangka berupaya menjadi nilai

tambah kepada pembangunan ekonomi penduduk dalam kegiatan penghasilan patung wayang kulit Kelantan. Kebergantungan sepenuhnya kepada kulit binatang juga dapat dikurangkan, sekali gus peningkatan kos untuk penghasilan sesebuah patung itu dapat dikurangkan. Inovasi teknologi bahan proses dalam penghasilan patung wayang kulit ini selaras dengan perkembangan

teknologi pembuatan masa ini. Secara tidak langsung, inovasi ini dapat membantu usaha kerajaan untuk melestarikan kewujudan seni tradisional warisan untuk tatapan generasi akan datang.

Aktiviti kreatif dalam penghasilan patung wayang kulit berasaskan kenaf juga dapat dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan institusi pengajian bagi tujuan menguji kemahiran kognitif, efektif dan psikomotor

para pelajar. Peranan semua pihak, seperti para guru, pensyarah, pihak pentadbir, ibu bapa dan masyarakat serta kerajaan yang mendukung pendidikan negara, dapat digembleng bagi meletakkan penjaan kreativiti dan inovasi, serta tidak hanya tertumpu kepada bidang sains semata-mata.

Prototaip patung wayang kulit Kelantan berasaskan pokok kenaf masih perlu melalui beberapa proses penambahbaikan dengan melakukan eksperimentasi berasaskan bioteknologi dan penggunaan mesin 3D yang bersesuaian. Walau bagaimanapun, sebagai langkah awal, penyelidikan untuk menghasilkan sebuah prototaip patung wayang kulit Kelantan berasaskan pokok kenaf dianggap berjaya. Penghasilan patung wayang kulit Kelantan berasaskan pokok kenaf masih berupaya mengekalkan kualiti sama seperti patung wayang kulit yang berasaskan kulit binatang.

Di samping itu, penghasilan patung wayang kulit Kelantan berasaskan pokok kenaf dilihat lebih ekonomik berbanding dengan penghasilan menggunakan bahan sedia ada. Hal ini bukan sahaja dapat membantu melestarikan warisan seni teater tradisional itu sendiri, malah turut membantu mengurangkan kos penghasilan melalui penggunaan bahan yang murah dan mampu meningkatkan taraf ekonomi penggiat. Produk ini juga dapat dikomersialkan dengan kerjasama dan kesedaran semua pihak, seiring dengan kesungguhan, pendekatan dan iltizam pihak kerajaan untuk meningkatkan sumber tenaga manusia dalam industri kreatif dan inovatif negara. **DB**